

02/09/1998

Ke arah memulihkan ekonomi negara

BERIKUT ialah transkrip wawancara khas dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai ekonomi Malaysia yang disiarkan secara langsung oleh semua saluran televisyen tempatan dan rangkaian radio RTM semalam.

Perdana Menteri diwawancara oleh Ketua Pengarang Kumpulan New Straits Times Press, Datuk A Kadir Jasin, Pemangku Editor Eksekutif Perkhidmatan Berita Ekonomi Bernama, Yong Soo Heong dan Pengarah Bahagian Ekonomi Public Bank Berhad, Nasaruddin Arshad.

Kadir (pengenalan): Bank Negara tengah hari ini mengumumkan beberapa langkah untuk melindungi ekonomi bagi mengurangkan kesan kegawatan kewangan dunia ke atas negara kita. Ini termasuk menetapkan kadar pertukaran bagi ringgit Malaysia dan membolehkan perdagangan ringgit hanya dalam negara. Gabenor Bank Negara akan menetapkan nilai ringgit tidak lama lagi.

Soalan: Mengapakah langkah-langkah ini diambil sekarang dan apakah faedah kepada negara kita?

PM: Langkah ini menjadi perlu kerana apabila nilai ringgit berada dalam keadaan tidak tentu maka ini menyebabkan perniagaan tidak dapat diteruskan dengan cara yang boleh mendatangkan keuntungan.

Seperkara lagi ialah apabila nilai ringgit diturunkan maka pendapatan kita akan berkurangan terutama apabila kita perlu membeli barangan dari luar negeri. Dengan keadaan ini maka kita menjadi miskin, negara menjadi miskin, kerajaan menjadi miskin dan orang ramai menjadi miskin.

Mereka memerlukan lebih banyak ringgit untuk pergi ke luar negeri atau untuk membeli barangan yang diimport. Oleh kerana pendapatan mereka tidak menambah maka secara langsung mereka menjadi miskin.

Kita perlu menentukan nilai ringgit secara yang tetap supaya peniaga dan individu dapat tahu kedudukan kewangannya dan dengan itu urusan ekonomi akan berjalan dengan baik.

Soalan: Dalam bahasa mudahlah... adakah ini bermakna ringgit tidak lagi mempunyai nilai di luar negara?

PM: Ya... kita telah memutuskan bahawa ringgit tidak akan mempunyai nilai lagi di luar Malaysia dan dengan itu ringgit yang dimiliki di luar Malaysia tidak lagi akan sah diperlakukan.

Bagaimanapun, seperti yang kita tahu terdapat wang di luar Malaysia, kita akan membenarkan ringgit itu dibawa pulang ke Malaysia dalam tempoh sebulan dari hari ini. Jika ia tidak dibawa pulang, kita akan menganggap ringgit itu tidak sah dan kita tidak akan membenarkan ringgit dibawa pulang ke Malaysia dalam apa bentuk sekalipun.

Soalan: Tidakkah Datuk Seri fikir yang langkah Malaysia itu boleh dianggap sebagai langkah mundur?

PM: Tidak. Ia bukan satu langkah mundur. Saya berpendapat keadaan sekaranglah yang mundur.

Apabila orang meninggalkan rejim Bretton Woods, mereka fikir pengaruh pasaran bebas terhadap kadar pertukaran akan menjadi cara yang lebih baik untuk menilai nilai relatif pelbagai mata wang. Tetapi pasaran seumpama itu sekarang telah disalahgunakan oleh pedagang mata wang yang tidak peduli terhadap kadar pertukaran untuk berdagang dan berniaga tetapi sebaliknya menganggap mata wang sebagai komoditi yang mereka boleh perdagangan walaupun mata wang sebenarnya tidak mempunyai nilai hakikinya sendiri.

Tetapi pedagang mata wang ingin menggunakannya sebagai komoditi dan untuk membeli dan menjualnya menurut sistem mereka sendiri yang membolehkan mereka mengaut keuntungan besar daripada perdagangan yang sama sedangkan pada masa yang sama memiskinkan seluruh negara, pelbagai rantau dan orang ramai... kerosakan yang disebabkan oleh mereka adalah sesuatu yang tidak dijangkakan sebelum ini. Dan ini sebenarnya langkah mundur. Dunia tidak bergerak ke hadapan, tetapi bergerak ke belakang.

Soalan: Adakah langkah ini sebagai tindakan terakhir dan adakah ia akan kekal?

PM: Langkah ini mungkin dianggap sebagai tindakan terakhir kerana kita belum nampak cara-cara lain. Kita telah minta Tabung Mata Wang Antarabangsa supaya mengadakan peraturan berkenaan pasaran mata wang tetapi nampaknya mereka tidak berminat kerana mereka tidak rugi apa-apa. Yang rugi ialah kita.

Sebab itu kita perlu balik kepada apa yang boleh kita buat sendiri. Dan apa yang boleh kita buat sendiri ialah untuk mengawal mata wang kita sendiri.

Ia boleh menjadi kekal. Tetapi sebaliknya sekiranya masyarakat antarabangsa bersetuju perdagangan mata wang mesti dikawal dan paras turun naik nilai mata wang dihadkan dan kita melihat ini akan membolehkan ekonomi berkembang semula, maka barulah kita kembali kepada sistem tukaran wang bebas.

Tetapi pada masa kini kita boleh lihat kesan kemusnahan yang dilakukan di Asia Tenggara, Asia Timur, di Russia, di Amerika Latin dan di mana-mana sahaja. Semua usaha keras oleh negara-negara berkenaan hancur demi keuntungan segelintir spekulator seolah-olah kepentingan spekulator itu sangat penting sehinggakan pendapatan berjuta-juta orang dirampas daripada mereka. Kita rasa ini membawa kepada kemunduran.

Soalan: Bagaimana kita melihat langkah yang diambil hari ini dalam kaitannya dengan apa yang berlaku di Hong Kong dan Taiwan yang mengambil langkah-langkah serius bagi menghentikan spekulasi mata wang mereka.

PM: Apa yang nyata ialah orang sudah tidak lagi dapat bertahan dengan apa yang dipanggil sistem pasaran bebas.

Mereka perlu mengambil tindakan-tindakan yang bertentangan dengan falsafah prinsip-prinsip pasaran bebas. Namun, mereka belum pergi cukup jauh.

Kita rasa kita patut benar-benar mengawal tukaran wang asing sehingga ke titik di mana ia tidak dapat diperdagangkan sama sekali.

Ringgit tidak boleh diperdagangkan langsung supaya kita boleh mengawal kadar pertukaran yang melibatkan ringgit kita.

Soalan: Bagaimanakah langkah baru ini dapat mengurangkan spekulasi?

PM: Biasanya ringgit digunakan untuk spekulasi di luar pesisir pantai, ringgit yang dimiliki oleh orang asing, khususnya ringgit yang dimiliki pedagang mata wang.

Mereka menyimpan ringgit itu di bank-bank asing tetapi memandangkan ringgit tidak bernilai langsung di luar Malaysia, dalam sebarang kes terdapat akaun yang bersamaan dalam bank di Malaysia tetapi apabila mereka memperdagangkan dan menjual ringgit, ini bukan sahaja tercermin di bank-bank asing malahan juga di bank-bank di Malaysia.

Apa yang telah kita lakukan tentulah membekukan sepenuhnya akaun-akaun yang ada di bank-bank Malaysia. Malahan, jika mereka menjual ringgit di luar Malaysia, ia tidak akan mempunyai sebarang kesan dalam menggerakkan ringgit dari satu akaun kepada yang lain. Dalam lain perkataan, ringgit yang sebenar, ringgit yang ada dalam negara, tidak akan dijual sama sekali kerana akaun itu tidak bergerak. Perdagangan di luar Malaysia tidak bererti kerana mereka memperdagangkan sesuatu yang tidak memberi kesan kepada ringgit sebenar dalam negara.

Mereka boleh membeli atau menjual ringgit itu tetapi ringgit yang tidak bernilai kerana ringgit itu, walaupun jika dibeli seseorang, ia tidak akan dibenarkan masuk ke dalam negara ini kemudian. Kita akan membenarkan dalam tempoh sebulan, tetapi tidak selepas sebulan. Memandangkan ringgit hanya sah diperlakukan di Malaysia, dan ia tidak boleh masuk ke Malaysia, jadi ia menjadi ringgit yang tidak berguna.

Jadi, sesiapa yang mempunyai ringgit seumpama itu selepas sebulan akan mendapati mereka berpegang kepada akaun-akaun atau kertas yang tidak bernilai sama sekali.

Soalan: Adakah langkah ini akan membawa imej buruk kepada negara?

PM: Ia tidak akan menyebabkan imej buruk kepada negara, kecuali yang pastinya kepada pedagang mata wang dan kemungkinan kepada segelintir anggota media yang tidak akan berasa sangat gembira.

Tapi daripada segi pelaburan, wang asing masih boleh dibawa masuk ke negara ini, ditukar kepada ringgit, digunakan di Malaysia untuk dilabur untuk apa-apa sahaja termasuk pembelian saham atau untuk membeli harta atau menubuhkan industri.

Apabila mereka berniaga dan mahu mengambil keluar wang tersebut, mereka boleh memohon kebenaran dari bank pusat untuk mengeluarkan wang tersebut dan kita masih akan membenarkan mata wang asing diberikan kepada mereka sebagai pertukaran kepada ringgit yang mereka ada dan bawa keluar dari negara ini mengikut keperluan.

Sebagai contoh, jika mereka akan membeli komponen dari negara lain dalam mata wang asing, mereka boleh mendapatkan mata wang asing tersebut.

Jadi pelaburan tidak terjejas dengan ini, kecuali pelaburan dalam saham kerana ia dikira sebagai wang panas. Jika mereka hendak melabur dalam saham, mereka boleh. Tetapi pelaburan sedemikian perlu kekal di negara ini untuk sekurang-kurangnya setahun. Mereka tidak boleh datang dan melabur dan kemudiannya melupus, menaik atau menurunkan nilai saham-saham tersebut.

Jadi, dalam kaitannya dengan pelabur, pelabur asli dan jangka panjang, ini akan mempermudah pelaburan mereka kerana mereka akan mengetahui dengan tepat berapakah wang yang perlu dibawa masuk kerana kadar tukaran akan ditetapkan dan jika mereka membuat apa-apa keuntungan di sini dan mereka mahu menghantar balik keuntungan tersebut ke negara mereka, mereka boleh menukar keuntungan yang diperolehi itu daripada ringgit kepada mana-mana mata wang dan itu boleh dihantar keluar Malaysia.

Akan terdapat pertukaran tetapi tidak akan ada perdagangan dalam mata wang.

Soalan: Adakah ini akan menghapuskan unsur ketidakpastian?

PM: Ya, sudah tentu. Orang ramai akan mengetahui dengan tepat berapa banyak ringgit yang akan mereka perolehi daripada mata wang asing yang mereka bawa masuk dan mereka juga akan mengetahui berapa banyak yang mereka jangka boleh dihantar keluar dari negara ini daripada keuntungan yang mereka buat kerana kadar tukaran tersebut telah ditetapkan dan mereka tidak perlu membuat apa-apa pembersihan lagi.

Kita boleh meminta mereka kekal dengan pelaburan mereka untuk sekurang-kurangnya setahun sebelum mereka boleh menjualnya. Itu dilakukan di beberapa negara.

Ia akan mengurangkan kegiatan spekulatif. Apa yang telah merosakkan pasaran saham ialah amalan membeli sesuatu saham secara berulang-ulang untuk menaikkan nilai saham itu ke satu tahap yang tinggi sehinggakan harga saham itu tidak mempunyai kaitan dengan prestasi atau aset syarikat-syarikat yang terbabit.

Ia di luar jangkauan... apabila ia mencapai satu tahap yang tinggi, pelabur tersebut akan melupus atau menjual keseluruhannya, mengambil wang tersebut dan keluar dari negara ini, meninggalkan rakyat tempatan dengan

syarikat ini yang telah kehilangan nilainya dan yang kemungkinannya telah meminjam wang berdasarkan nilai sahamnya.

Sekarang, jumlah pinjaman jauh berkurangan daripada cagaran dari segi nilai saham dan syarikat-syarikat tersebut terjerumus dengan pinjaman tidak berbayar (NPL) dan syarikat-syarikat itu tidak akan berupaya untuk menunjukkan pencapaian.

Kita tidak mahu mereka datang dan membuat perkara semacam itu. Pada ketika ini apa yang mereka lakukan adalah yang berlawanan, mereka menurunkan nilai saham-saham itu sehingga ia jauh di bawah nilai aset bersih dan wang tunai yang mungkin dimiliki syarikat itu akan turut jatuh.

Pada tahap ini, jika kita membenarkan mereka membeli saham, mereka akan menguasai syarikat itu dengan harga yang rendah. Dan apabila mereka telah mendapatkannya, mereka boleh melakukan dua perkara - mereka boleh menguasai dan membina semula syarikat itu ataupun mereka boleh melupuskan aset-aset itu, mengambil wang tersebut dan membiarkan syarikat itu hancur. Jadi, itulah perlucutan aset.

Soalan: Apakah mereka akan dikehendaki untuk tinggal di dalam negara untuk satu jangka waktu tertentu kerana ada negara yang mengenakan peraturan seperti cukai asing?

PM: Kita boleh adakan kedua-dua langkah serta mewajibkan mereka kekal bersama dengan pelaburan mereka sekurang-kurangnya setahun sebelum mereka boleh jual. Itulah apa yang dilakukan di sesetengah negara seperti di Slovenia. Ia akan mengurangkan aktiviti spekulatif.

Apa yang merosakkan pasaran saham ialah tindakan membeli saham berulang-ulang kali bagi meningkatkan nilai saham itu sehingga harganya tidak lagi berkaitan dengan prestasi atau harta syarikat.

Apabila harga saham mencapai tahap tertinggi, apa yang pelabur ini akan lakukan ialah menjual semua saham dan membawa keluar wang yang diperolehi dan meninggalkan pelabur tempatan dengan syarikat yang sudah kehilangan nilai sehingga menyebabkan nilai pinjaman lebih rendah daripada nilai cagaran dan menyebabkan syarikat mengalami hutang tidak berbayar.

Jadi kita tidak mahu mereka datang dan lakukan perkara sedemikian. Pada masa ini mereka melakukan sebaliknya. Mereka menekan harga saham sehingga ke paras lebih rendah daripada nilai bersih harta syarikat. Pada tahap itu jika kita benarkan mereka membeli, mereka akan dapat menguasai syarikat pada harga yang amat rendah.

Pada masa itu mereka boleh kuasai dan memulihkan syarikat atau menjual harta syarikat, mengambil keuntungan dan membiarkan syarikat ditutup. Itu adalah sesuatu yang kita tidak mahu galakkan.

Soalan: Maka Datuk Seri, kita sebenarnya bukan menghalang pelaburan asing daripada memasuki pasaran saham tetapi apa yang kita mahu ialah langkah pasti supaya mereka mengekalkan pelaburan sekurang-kurangnya setahun.

Soalan: Tidakkah Datuk Seri lihat ini akan menjejaskan sentimen pelaburan terus asing ke negara ini?

PM: Bagi mereka yang ingin datang ke negara ini untuk menubuhkan kilang pengeluaran sebenarnya tindakan ini menggalakkan mereka. Ia patut menggalakkan mereka melainkan ada pihak lain yang menghasut mereka. Ini sebenarnya adalah tindakan biasa.

Jika mereka pelabur serius dan sudah melakukan kajian kemungkinan mereka akan mendapati dengan adanya kadar tukaran yang tetap mereka akan mempunyai peluang lebih baik untuk membuat keuntungan dengan pelaburan yang minimum.

Soalan: Datuk Seri, apa yang saya faham rejim kadar tukaran tetap perlukan komitmen kerajaan. Adakah kita sudah mengkaji sedalam-dalamnya rejim tukaran tetap ini?

PM: Ya kita sudah mengkaji perkara ini untuk tempoh yang panjang, lebih enam bulan walaupun kita sudah memikirkan idea ini lebih lama daripada

itu. Kita mengkajinya dengan teliti.

Ada beberapa perkara yang menguntungkan Malaysia. Sebagai contoh, saiz negara kita adalah cukup kecil. Kita tidak ada beribu-ribu juta penduduk. Kita hanya ada 22 juta penduduk.

Kita juga sentiasa ada lebihan imbalan perdagangan. Apabila kita ada lebihan perdagangan kita akan ada tukaran asing yang cukup, dan eksport kita mendapat pulangan yang lebih daripada sebelum ini.

Tukaran asing amat penting kerana bersama kawalan mata wang kita mensyaratkan semua perdagangan dilakukan dalam mata wang asing, bukan dalam ringgit kerana ringgit tidak bernilai di luar negara, maka kita tidak membayar apa-apa dalam ringgit. Kita akan beli dan jual di dalam sebarang mata wang. Sebab mengapa kita mahu menjual dan mendapatkan mata wang asing ialah untuk membayar import kita.

Disebabkan import kita lebih kurang daripada eksport kita, kita mampu membayar import kita kerana kita mendapat pulangan lebih daripada eksport kita daripada apa yang kita perlu bayar untuk import kita. Maka kita boleh membiayai perdagangan kita tanpa banyak kesukaran. Sudah tentu pada masa yang sama kita mempunyai rizab yang semakin meningkat tetapi kita tidak bercadang menggunakannya. Rizab adalah untuk keperluan biasa menyokong ekonomi kita, tetapi kita akan ada mata wang asing yang cukup daripada pendapatan eksport kita.

Soalan: Adakah kita mencadangkan bahawa kita ada tukaran asing yang cukup untuk memenuhi komitmen kita?

PM: Ya, kerana kita mengeksport lebih pada hari ini daripada mengimport. Sudah tentulah akaun perkhidmatan kita sedikit kurang memihak kepada kita, tetapi ia tidak begitu banyak dan lebihan untuk akaun perdagangan akan mencukupi walaupun untuk membayar defisit perkhidmatan kita.

Sudah tentu pada waktu yang sama kita mengurangkan imbalan perkhidmatan misalnya menerusi penggunaan pelabuhan-pelabuhan kita dan menggunakan insurans kita sendiri serta mengurangkan jumlah pelajar yang belajar di luar negara.

Ini adalah langkah-langkah yang telah kita ambil untuk mengurangkan ketidakseimbangan akaun perkhidmatan kita.

Soalan: Jadi, tidaklah menjadi masalah walaupun dalam keadaan-keadaan tidak normal bagi kita untuk memiliki tukaran asing jika sebagai contoh kita ada permintaan melebihi normal?

PM: Ini mungkin berlaku, contohnya jika mata wang asing yang berada dalam negara ini mahu dibawa keluar oleh orang asing, mereka perlu menukar ringgit mereka kepada mata wang asing dan untuk membawa keluar mata wang asing itu mereka perlu menjelaskan kenapa mereka hendak membawa keluar, yang pastinya ia akan menjejaskan ekonomi kita dan kita tidak mahu aktiviti mereka menjejaskan ekonomi kita.

Tetapi jika mereka mempunyai alasan yang munasabah, contohnya jika mereka mahu menggunakan wang itu untuk membeli sesuatu, mereka boleh menukarkannya dan membeli apa juga barangan itu dan membawanya balik ke negara ini atau mereka mungkin mahu menggunakan wang itu untuk membeli minyak sawit dan mengeksportnya.

Bagaimanapun, jika mereka mengeksport minyak sawit atau apa sahaja, mereka dikehendaki membawa pulang ke negara ini segala hasil eksport dan mesti disimpan dalam bank pusat.

Soalan: Bagaimana jika ada orang yang tidak membawa pulang wang itu dalam tempoh satu bulan berkenaan. Adakah kita akan mempertingkatkan peraturan di pintu-pintu masuk?

PM: Jika mereka tidak membawa pulang wang mereka selepas satu bulan, wang itu langsung tidak boleh dibawa pulang.

Soalan: Bagaimana pula penyeludupan, bolehkah mereka menyeludup wang, akaun berkenaan?

PM: Akaun-akaun mereka tidak boleh kerana bank-bank kita tidak akan membenarkan sebarang wang yang di luar negara dipindahkan ke akaun-akaun bank tempatan tetapi jika mereka mahu membawa pulang wang tunai, keupayaan untuk berbuat demikian sudah tentunya terhad.

Kita sekarang akan melupuskan wang kertas RM500 dan RM1,000 agar mereka tidak dapat membawanya pulang melainkan mereka membawa dalam bentuk denominasi yang kecil dan sukar untuk dibawa.

Kita akan periksa perkara ini tetapi jika mereka tidak membawa pulang selepas satu bulan, wang itu akan menjadi tidak berguna. Jika mereka ditangkap membawa masuk wang itu, kita akan mengatakan ia bukan wang lagi.

Soalan: Kita sering dengar ringgit luar pesisir pantai dan ada anggaran yang mengatakan bahawa ia sudah bernilai sampai RM100 juta.

PM: Sebenarnya, dalam bentuk tunai, ringgit cuma ada RM100 juta tunai di luar negara dan kita boleh menghantarnya pulang dalam tempoh satu bulan. Jika mereka tidak berbuat demikian, wang itu akan hanya menjadi seperti kertas sampah, ia tidak bernilai langsung. Kalau mereka cuba untuk membawa masuk, kita akan menghalang mereka dan kita akan rampas wang seumpama itu.

Soalan: Tapi macam mana? Berapa besarkah akaun ringgit luar pesisir pantai?

PM: Ia adalah lebih besar, pastinya lebih daripada RM20 bilion, malahan mungkin lebih RM25 bilion, tetapi wang itu tentulah di luar Malaysia dan sekarang pun tidak bernilai. Untuk memberi nilai, pemegang akaun itu mesti mempunyai akaun yang selari dengan bank di Malaysia.

Apabila mereka lakukannya kita akan melupuskan nilai mata wang berkenaan dengan menghentikan sebarang pergerakan akaun itu dalam bank di Malaysia. Mereka tidak boleh menggerakkan akaun itu, dalam perkataan lain mereka tidak boleh menjual ringgit itu, ini adalah kerana jika mereka menjual ringgit itu, ringgit di Malaysia tidak akan bergerak.

Jadi secara efektifnya, seseorang yang telah menjual ringgit itu masih menjadi pemiliknya. Dan sesiapa juga yang membelinya tidak membeli apa-apa jadi ia tidak memberi erti kepada mereka untuk membeli ringgit itu lagi di luar negara.

Satu-satunya perkara yang mereka boleh buat ialah kita memberi tempoh satu bulan kepada mereka untuk memindahkan semua ringgit itu ke Malaysia, dan ini bererti ringgit di Malaysia diletakkan semula dalam edaran. Ia boleh digunakan untuk membeli barang-barang, rumah atau apa sahaja, ia boleh digunakan untuk apa jua seperti mengeksport minyak sawit tetapi jika mereka eksport, keuntungan daripada eksport itu hendaklah dibawa pulang, jika tidak mereka melanggar peraturan dan tindakan akan diambil ke atas mereka dan bank terbabit.

Soalan: Jadi mungkin satu soalan yang mudah, apa akan jadi katakan orang Malaysia yang kerja di Singapura dan ada duit Malaysia di Singapura atau yang berniaga di sempadan Malaysia-Thailand adakah mereka akan diberi sedikit kelonggaran?

PM: Mereka boleh bawa balik dalam jangka masa satu bulan. Selepas daripada itu biasanya kalau pekerja hendak pergi ke luar negeri hari-hari dia pergi pagi balik petang dia tentulah ada beberapa ringgit dalam saku dia tapi itu tidak menjadi masalah. Dia boleh bawa keluar dan bawa masuk asalkan jumlahnya tidak banyak demikian juga dia boleh bawa masuk duit asing dengan jumlah yang kecil dan bawa keluar kita tidak akan ganggulah.

Tapi semua orang yang pergi keluar masuk keluar masuk mestilah buat kenyataan berkenaan dengan duit yang dia bawa sama ada dia bawa ringgit, dolar Amerika ataupun dolar Singapura dia mesti ada. Sekarang ini kita sudah beri kepada Kastam borang untuk diisi mengenai berapa banyak duit yang dia bawa dan ini bukan satu perkara yang baru.

Sebenarnya kebanyakan negara termasuk Australia di mana kita tahu pengisian borang berkenaan dengan duit yang dia bawa mesti dibuat, jika

tidak ia dianggap sebagai menyalahi undang-undang. Undang-undang itu masih ada di Malaysia tinggal lagi buat beberapa lama kita tidak kuat kuasakan.

Soalan: Bagaimana dengan pembiayaan pembelajaran di luar negara atau pelancong?

PM: Untuk pelajar di luar negeri, mereka perlu katalah paun sterling untuk hendak bayar, mereka boleh buat permohonan daripada Bank Negara dengan cukup dokumentasinya dan Bank Negara akan bekalkan wang itu apabila mereka membeli ringgit kepada Bank Negara dan mereka akan dapat wang yang diperlukan hanya mencukupi untuk maksud itu sahaja.

Pelancong kita akan dibenar tukaran asing sebanyak RM10,000 jadi itu kita anggap sebagai memadai untuk pelancongan tetapi kalau mereka mempunyai keperluan lain kita akan timbang.

Soalan: RM10,000 termasuk perbelanjaan menerusi kad kredit?

PM: Kad kredit juga jumlahnya semua RM10,000. Semua sekali, bukan kata kalau dia ada satu kad kredit RM10,000 kalau ada lima RM50,000. Kita tahulah sekarang sesetengah orang sampai ada 10 kad kredit. Kalau bagi RM10,000 satu kad kredit jadi RM100,000-lah. Jadi kita tidak boleh bagi begitu banyak.

Soalan: Mengenai pembiayaan pendidikan, mungkin ibu bapa tertanya-tanya ia akan menjejaskan penghantaran wang misalnya, Datuk Seri katakan tadi kalau dia ada bukti katakan slip yuran dari universiti anaknya, Bank Negara boleh menukarkan ringgit kepada apa juga mata wang yang diperlukan, cara dia hantar tu pakai cara biasa telegram, transfer urusan bank biasa.

PM: Urusan bank yang biasa tu beroperasi. macam biasa sahaja, tidak ada masalah di situ, kerana semua itu ada rekod kepada kita.

Soalan: Tidakkah tindakan ini akan menambah kos bagi sektor perniagaan?

PM: Mungkin ia akan menyebabkan kos tambahan tetapi adalah lebih rendah daripada kos yang mereka perlu tanggung jika nilai ringgit tidak tetap. Sekarang sesetengah pihak menetapkan sehingga 15 peratus untuk komisen bagi menghadapi kemungkinan pergerakan mata wang.

Jika kadar tukaran ditetapkan kita tidak perlu melakukannya dan ini akan mengurangkan kos perniagaan. Pembayaran untuk masa hadapan juga tidak akan berkaitan dengan penurunan nilai dan ini memudahkan urusan perniagaan.

Soalan: Berapa lama kerajaan memikirkan pilihan ini yang dianggap sesetengah pihak sebagai drastik?

PM: Kita sudah lama melihat kaedah lain untuk menstabilkan kadar tukaran serta harga saham. Pada mulanya kita bercadang menghalang pergerakan wang melintasi sempadan tetapi ia sia-sia.

Kita juga cuba memaksa mereka yang membeli saham membawa skrip saham tetapi disebabkan ada saham yang diniagakan sesama syarikat nomini dan tidak membabitkan perubahan hak milik.

Semua ini sudah kita nilaikan dan akhirnya kita membuat keputusan bahawa satu-satunya cara untuk mengurus ekonomi kita ialah dengan mengasingkan kita daripada aktiviti pedagang mata wang dan spekulator pasaran saham.

Masalahnya, setiap kali kita cuba membantu ekonomi kita mereka akan bertindak menghalang kita. Sebagai contoh, bila kita cuba menurunkan kadar faedah, mereka akan menurunkan nilai saham dan mata wang kita.

Bila kita cuba menubuhkan Danaharta dan Danamodal, mereka tahu kita perlukan banyak wang dengan meminjam, dan sebaik sahaja kita mengumumkannya, agensi penarafan masuk campur dan menjejaskan kredibiliti kita.

Selagi mereka dapat masuk campur, kita tidak boleh melakukan apa-apa untuk memulihkan ekonomi kita. Maka apa yang paling penting ialah bagaimana kita mengadakan hadangan di antara kita dan mereka.

Apa yang kita sudah lakukan sebenarnya ialah untuk mengurangkan keupayaan mereka untuk campur tangan dalam menentukan nilai mata wang dan saham kita.

Sebaik sahaja kita bebas daripada mereka, kita boleh menumpukan perhatian kepada ekonomi dalaman. Malahan, kita sekarang mampu menurunkan kadar faedah kepada tahap yang boleh memulihkan semula perniagaan di negara ini.

Sekarang kita tidak perlu lagi bimbang mengenai apa yang mereka ingin lakukan kepada kita seperti menurunkan nilai matawang dan saham kita.

Banyak perkara yang boleh kita lakukan seperti menilai semula syarikat-syarikat kita berdasarkan nilai aset sebenar.

Apabila kita menilai semula syarikat-syarikat kita, kadar NPL tidak lagi seburuk sebelum ini kerana nilai cagaran tidak akan menurun lagi.

Soalan: Bolehkan kita mentafsirkan langkah baru ini sebagai memisahkan kaitan polisi kadar faedah dengan mata wang?

PM: Sebaik sahaja kita mengawal semula kadar tukaran wang, kita boleh menurunkan kadar faedah tanpa pihak lain boleh menurunkan nilai mata wang kita. Maka syarikat-syarikat kita mampu pulih dan boleh meminjam semula.

Jika mereka meminjam wang dari luar, mereka tidak perlu membayar dengan banyak seperti sekarang. Pada masa yang sama nilai syarikat juga akan meningkat.

Soalan: Bagaimana langkah baru ini mampu menghalang kesan buruk ekonomi lain?

PM: Kita tidak akan begitu merasa kesan dengan apa yang berlaku di pasaran lain seperti yang dikenali sebagai 'Kesan Jangkitan' iaitu apa yang berlaku di Rusia akan memberi kesan kepada mata wang dan saham kita. Tiada ada kaitan di antara kita dan Rusia. Dengan kaedah ini kita boleh menentukan sama ada untuk bertindak balas atau tidak.

Adalah amat penting untuk kita mengetahui kadar tukaran dengan negara lain kerana kita bersaing dengan mereka. Jika nilai mata wang pesaing kita menurun dan nilai mata wang kita kekal terlalu kukuh dan kita tidak dapat bersaing.

Adalah penting untuk kita melihat apa yang berlaku di seluruh dunia. Jika mereka menurunkan mata wang mereka, kita boleh menurunkan nilai ringgit pada tahap yang tidak menjejaskan ekonomi kita.

Walaupun kita menurunkan nilai ringgit, ia sebenarnya lebih kukuh daripada kebanyakan mata wang asing.

Soalan: Secara kasar apakah kriteria yang akan diambil kira bila kita menetapkan nilai ringgit?

PM: Malaysia adalah negara perdagangan. Adalah penting untuk kita untuk boleh bersaing. Jika kita memperkukuhkan nilai ringgit terlalu banyak, kita tidak mampu bersaing dengan negara lain.

Sebaliknya, jika kita memperkukuhkan nilai ringgit, kita boleh membeli barangan pada harga yang lebih rendah dan boleh menjual di dalam negara pada harga yang lebih rendah.

Bagaimanapun, pendapatan kita dalam nilai ringgit akan berkurangan, seperti contoh minyak kelapa sawit yang kita eksport memberi kita lebih banyak wang, hampir AS\$1,200 lebih daripada sebelumnya. Jika kita memperkukuhkan mata wang kita, maka pendapatan kita akan berkurangan.

Kita bercadang memberi subsidi kepada import dengan mengenakan cukai terhadap eksport kita. Jika eksport kita mendapat pulangan lebih tinggi bukan disebabkan usaha mereka tetapi kerana kadar tukaran seperti minyak kelapa sawit, kita mungkin mengenakan cukai keuntungan eksport dan wang itu patut digunakan sebagai subsidi import sebagai contoh gula. Kita akan mengawal harga gula dengan memberi subsidi import. Ini memerlukan kerajaan banyak bertindak. Kita perlu mempertahankan ekonomi kita dan kerajaan perlu memainkan peranan yang besar.

Soalan: Bagaimana ia akan memberi kesan terhadap hubungan kita dengan IMF, Bank Dunia dan WTO? Adakah ia akan terjejas?

PM: Ia mungkin menjejaskan, semuanya bergantung sama ada mereka berminat

pihak lain. Dari apa yang kita lihat, tindakan mereka hanya menguntungkan pedagang mata wang, syarikat asing yang boleh membeli syarikat tempatan dengan murah, dan semua ini tidak menguntungkan kita.

Jika mereka benar-benar ambil berat terhadap negara membangun, mereka sepatutnya menerima apa yang kita lakukan sebagai perkara yang baik. Seperti yang kita tahu, apa yang IMF lakukan kini menerima kritikan yang hebat. Pada mulanya mereka fikir hanya negara Asia Tenggara yang akan menderita tetapi hari ini kita boleh lihat seluruh dunia menderita dan Dow Jones jatuh 500 mata lagi.

Tetapi sudah tentu reaksi mereka berbeza. Apabila kita dalam masalah, kita diberitahu supaya menaikkan kadar faedah tetapi apabila mereka berada dalam situasi yang sama, mereka membuat keputusan untuk menurunkan kadar faedah. Seolah-olah kaedah mereka untuk negara miskin ialah untuk menjadikan lebih miskin manakala untuk negara kaya bagi menjadikan lebih kaya.

Soalan: Bolehkah Datuk Seri...

PM: Mereka lihat masalah kita sebagai peluang untuk memaksa kita menerima rejim tertentu. Mereka mahu kita adakan reformasi dengan membuka pasaran kita untuk syarikat asing masuk untuk berniaga tanpa sebarang halangan.

Maka pertolongan mereka sentiasa berdasarkan prinsip itu. Kami akan memberi awak sedikit wang asalkan awak membuka ekonomi. Bila kita membuka ekonomi kita tentulah kita akan hilang kawalan terhadap ekonomi kita. Semua syarikat, bank dan industri akan menjadi milik asing. Indonesia, sebagai contoh, sedang dalam proses menyusun semula ekonominya.

Maka IMF yang sepatutnya membantu negara membangun yang menghadapi masalah kewangan sebaliknya menggunakan masalah itu untuk membolehkan syarikat gergasi daripada negara kaya untuk masuk dan mengambil alih ekonomi.

Pada pandangan saya itulah matlamat mereka. Sudah tentu mereka menyatakan ia adalah satu reformasi, tetapi ia bukan sesuatu yang menguntungkan negara membangun.

Ia mungkin menyebabkan berjuta-juta pekerja hilang pekerjaan, tetapi itu tidak mengapa. Saya sudah bercakap dengan pegawai tinggi IMF dan memberitahu beliau bahawa jika kita melakukan perkara sedemikian, syarikat kita akan jatuh muflis dan beliau berkata "Itu tidak mengapa."

Saya katakan bahawa kita memandang berat perkara itu kerana syarikat berkenaan menghasilkan pendapatan dan kita mengambil cukai daripada mereka tetapi beliau berkata: "Oh ini syarikat tidak baik dan mereka sepatut tidak lagi terbabit dalam perniagaan."

Saya kemudian memperjelaskan kepadanya bahawa syarikat berkenaan bukan syarikat yang tidak baik, tetapi syarikat yang baik sehingga nilai mata wang dan saham diturunkan.

Mereka bukan menjadi tidak baik kerana perbuatan mereka tetapi disebabkan luaran dan kita tidak boleh membiarkan mereka muflis kerana sesuatu yang bukan kesalahan mereka tetapi pandangan IMF ialah 'kami mahu melihat sebahagian daripada syarikat itu jatuh muflis dan kita serius'.

Malahan, kalangan spekulator berkata mereka mahu melihat 'darah', dalam erti kata lain mereka mahu lihat 'pembunuhan'. Syarikat terbabit perlu 'dibunuh' dan itulah ukuran betapa seriusnya kita dengan reformasi.

Saya tidak faham kerana kita melihat cukup 'darah' kerana di sesetengah negara berjuta-juta pekerja tidak bekerja, mereka tiada makanan, ubat, susu untuk anak-anak mereka dan apa yang mereka dapat katakan ialah 'inilah harga yang perlu dibayar oleh anda, dan reformasi adalah baik untuk anda'.

Soalan: Datuk Seri pendapat dunia kini berubah dan semakin ramai yang tidak bersetuju dengan IMF... apakah negara memerlukan lembaga mata wang?

PM: Sama ada lembaga mata wang atau bank pusat itu tidak penting. Adakah kita memiliki keupayaan mengawal pergerakan mata wang? Adakah kita memiliki kuasa bagi memastikan mata wang kita diperlukan?

Pada masa ini kita tidak memerlukan lembaga mata wang kerana kita boleh melakukan tindakan sedemikian tanpanya.

Soalan: Datuk Seri adakah langkah yang diambil mampu mengawal spekulator?

PM: Saya rasa boleh. Itulah tujuan kita. Kita perlu mengeluarkan spekulator daripada perdagangan mata wang yang membabitkan ringgit.

Sudah tentu mata wang perlu ditukar bagi membolehkan perdagangan atau membiayai perdagangan dan itu boleh dilakukan tanpa spekulator dan dana lindung nilai.

Jika kita mengkaji sejarah ekonomi dunia, kita akan dapati pertumbuhan ekonomi paling besar dicapai ketika adanya kawalan tukaran mata wang oleh rejim Bretton Woods.

Ia ditinggalkan kerana sesetengah pihak mungkir janji atau dalam erti kata lain mereka menurunkan nilai mata wang bagi mencapai tahap persaingan yang baik. Apabila lebih banyak negara mula menurunkan nilai mata wang, seluruh mekanisme kelam-kabut.

Atas sebab itu mereka mengambil keputusan untuk keluar daripada rejim Bretton Woods. Tetapi itu tidak bermakna rejim Bretton Woods adalah tidak baik.

Jika hanya disebabkan beberapa salah guna mereka sanggup keluar daripada rejim Bretton Woods, mengapa apabila berlaku terlalu banyak salah guna dan masalah mereka tidak sanggup keluar daripada apa yang dikatakan rejim pasaran bebas.

Tidak ada sistem yang lengkap. Sistem hanya boleh berfungsi bila orang memahaminya dan bersedia mengawal diri mereka. Tetapi jika kita biarkan salah guna berlaku, tiada sistem yang boleh berfungsi dan sistem Bretton Woods tidak berfungsi kerana salah guna dan sistem pasaran bebas sudah gagal dengan teruknya kerana salah guna bukan kerana sistem itu sendiri tidak baik. Jika kita sanggup mengawal salah guna, maka sistem itu akan kembali baik.

Soalan: Adakah Datuk Seri fikir ekonomi maju akan mengikut langkah yang kita ambil?

PM: Sudah ada tanda-tanda yang mereka kini hilang kepercayaan terhadap operasi pasaran bebas. Sebab itulah Hong Kong bertindak mengawal spekulator dan sekarang Taiwan memberi amaran kepada Soros untuk tidak memasuki pasarannya. China pula tidak membenarkan mata wangnya boleh ditukar sepenuhnya dan Russia juga sedang berfikir semula dan mungkin kembali kepada komunisme. Sudah tentu kita rasa apa yang Chile dan Slovenia lakukan ialah apabila orang mendapati sistem itu gagal dan mereka menderita mereka bersedia untuk berubah.

Tetapi sesetengah negara mendapat keuntungan daripada salah guna, mereka dan rakyat mereka membuat banyak wang dan mereka tidak lihat sebarang alasan mereka mereka harus berhenti.

Soalan: Datuk Seri, ada juga khabar-khabar atau cakap-cakap bahawa hasil daripada pelaksanaan langkah ini, simpanan orang ramai dalam bank akan dibekukan semuanya. Adakah sebarang kebenaran daripada cakap-cakap begini?

PM: Tidak ada sebab. Ini adalah masalah dalaman. Keadaan ekonomi dalam negeri tidak disentuh dalam perkara ini, bahkan akan menjadi lebih kukuh. Bank akan menjadi lebih kukuh, peniaga akan dapat berniaga tanpa diganggu dengan kejatuhan nilai mata wang, kejatuhan harga saham dan sebagainya.

Maka sistem kewangan dalam negeri akan menjadi lebih kukuh dan tidak ada sebab mengapa kita harus beku deposit tetap umpamanya. Duit yang sesiapa simpan dalam bank adalah selamat dan tidak akan disentuh.

Soalan: Ada juga mengatakan bahawa mungkin kerajaan akan mengenakan

syarat bahawa sebahagian daripada simpanan itu kononnya untuk membeli bon-bon kerajaan.

PM: Kita tidak ada hasrat untuk memaksa sesiapa membeli bon. Memanglah ada bon pada sesiapa yang ingin melabur boleh melabur, tetapi untuk paksaan itu bukan cara kerajaan. Kita tidak memaksa sesiapa.

Soalan: Kalau dulu kerajaan mengeluarkan bon dan yang umumnya melabur ialah institusi kewangan dan pelabur luar negara. Apakah kita tidak boleh adakan sistem yang mana rakyat biasa boleh melabur dengan mudah?

PM: Kita perlukan pelaburan yang agak besar sikitlah. Dalam bon kita tidak boleh beli satu ringgit, dua ringgit. Tetapi itu kita boleh timbang jika ada minat orang ramai untuk membeli bon sebagai satu cara simpanan tabungan. Kita percaya ini satu perkara yang baik tetapi kita belum ada cadangan lagi.

Soalan: Satu soalan mengenai keputusan kita merombak beberapa peraturan mengenai BSKL. Di antaranya ialah untuk menghentikan perniagaan kita di Clob umpamanya. Apakah rasional kita Datuk Seri?

PM: Kita ada pasaran saham, sepatutnya kita boleh beli saham jual saham dalam pasaran saham. Tidak ada makna jika kita ada saham tetapi orang lain boleh berniaga saham di pasaran yang tidak diiktiraf oleh kita.

Mereka bukan sahaja berniaga, tetapi kesan perniagaan itu membabitkan saham kita. Kalau jatuh harga saham, maka nilai saham di sini juga jatuh. Syarikat juga menghadapi masalah. Jika naik untunglah. Ramai orang suka. Dulu naik orang tidak berapa kisah sangat. Sekarang ni turun.

Bila kita ada pasaran saham kita mesti berniaga secara terbuka tetapi ini adalah perniagaan yang tersembunyi yang dibuat dengan menggunakan syarikat nomini.

Apa yang mereka berniaga, jual atau beli, kita tidak tahu. Siapa jual, siapa beli, kita tak tahu. Mungkin yang jual itu adalah orang dalam, mungkin pengarah-pengarah dalam syarikat. Ini bermakna perniagaan itu tidak telus, sebaliknya jika diadakan perniagaan di sini kita tahu siapa yang jual siapa yang beli. Dengan mengadakan pasaran yang tertutup ini yang tidak diketahui umum, kita sebenarnya menggalakkan perbuatan yang tidak sihat.

Sebab itu kita ingin mengadakan perniagaan saham dalam pasaran yang terbuka. Apa salahnya kita beli daripada BSKL dan jual di BSKL. Bila dibuat di BSKL sudah tentu broker kita dapat komisen dan lain-lain pendapatan. Kalau kita buat di negara lain, kita tidak dapat apa-apa untung sedangkan saham itu saham syarikat kita. Bila dapat dividen, bonus dapat kepada orang lain.

Sebab itu kita mahu jadikan lebih telus semua dagangan saham. Inilah hasrat kita. Jika ia menyebabkan pasaran saham lain yang tidak diiktiraf oleh kita terpaksa berpindah untuk berjual beli dalam pasaran kita itu adalah secara kebetulan. Tetapi niat kita ialah sebarang perniagaan saham perlu dilakukan secara terbuka melalui pasaran saham kita. Tidak ada sebab kita harus guna cara yang tersembunyi.

(END)